

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 13 April 2017 10:49
To: UUM - All Staff
Subject: TAKLIMAT PERSEDIAAN PENILAIAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (5S/QE)



13 APRIL 2017 / 16 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof./Dr./Tuan/Puan

TAKLIMAT PERSEDIAAN PENILAIAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (5S/QE)



IPQ Online: Pada 11 April 2017 (Selasa), Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) telah menganjurkan Taklimat Persediaan Penilaian Amalan Persekitaran Berkualiti (5S/QE) di Dewan Seminar C, Pusat Konvensyen UUM. Seramai 50 orang juruaudit 5S universiti telah menghadiri taklimat ini.

Objektif utama taklimat adalah bertujuan untuk memberi pencerahan kepada juruaudit berkenaan halatuju 5S pada tahun 2017. Taklimat selama 2 jam ini telah dikendalikan oleh Timbalan Pengarah Bahagian Kecemerlangan Kualiti, Prof. Madya Dr. Norhani Aripin. Semasa taklimat beliau telah menerangkan senarai semak kriteria Penilaian Amalan 5S yang telah dibentuk bersama-sama ketua juruaudit 5S universiti pada 3 April 2017 yang lalu. Turut dikongsikan semasa taklimat adalah Pelan Tindakan Audit serta Pembahagian Pasukan Juruaudit.

Penilaian Amalan Persekitaran Berkualiti (5S/QE) pada tahun ini akan dijalankan pada bulan Mei hingga Oktober 2017 yang mana sepanjang tempoh audit tersebut, setiap PTJ akan di audit secara mengejut sebanyak 2 kali. IPQ berharap setiap PTJ dapat memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi kepada juruaudit sepanjang tempoh audit berlangsung.

IPQ mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua juruaudit 5S kerana telah memberikan kerjasama yang begitu tinggi dalam menjayakan taklimat tersebut dan seterusnya dapat menjalankan audit seperti yang telah dipertanggungjawabkan.

INSTITUT PENGURUSAN KUALITI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

FOCUSED. ACCURATE. SHARP. TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS



Tel : +04 - 928 4651/55 | Fax : +04 - 928 4660 | Email : ipq@uum.edu.my | Website : www.ipq.uum.edu.my | Facebook : Institut Pengurusan Kualiti-IPQUUM
Institut Pengurusan Kualiti | Universiti Utara Malaysia | 06010 | UUM Sintok | Kedah Darul Aman || Malaysia



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.